



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**7 NOVEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 405 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 221,749 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Beaufort dan Kota Marudu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 537 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 210,551 orang. Manakala 1,789 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 728 orang di hospital, 1,049 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 12 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 83 merangkumi 77 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 85 (37.78%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Merah 23 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes di Sabah hari ini adalah antara yang terendah sejak beberapa bulan. Jumlah kes terbaru ialah (405) kes, yakni (-164) lebih rendah daripada semalam.
- b. Kecuali daerah Kota Kinabalu yang mendaftar (52) kes baharu, jumlah kes harian di semua daerah di Sabah adalah di bawah paras angka 50. Sebanyak 11 daerah mencatat kes baharu kurang daripada 10 kes termasuk tiga (3) daerah (Kunak, Tongod dan Kalabakan) yang tidak ada kes jangkitan baharu.
- c. Satu (1) kluster baharu diisytiharkan di Kg Karanaan, Ranau hari ini. Kes indeks kluster komuniti Kg Karanaan ialah seorang kakitangan awam JKR Ranau. Penularan virus yang telah menjangkiti 52 orang penduduk kampung setakat ini dipercayai berpunca daripada perkumpulan orang ramai dalam upacara majlis perkahwinan dan dua upacara potong jambul yang turut dihadiri saudara mara dari luar daerah.
- d. Kluster baharu di Kg Karanaan, Ranau adalah satu peringatan penting tepat pada masanya betapa perlunya semua kita mematuhi SOP sepanjang masa. Ini lebih-lebih lagi Sabah akan beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara mulai esok (8/11/21) dan pelbagai sekatan keatas majlis-majlis sosial dan aktiviti-aktiviti ekonomi akan dilonggarkan. Kesannya ialah risiko jangkitan virus di tempat-tempat awam dan acara-acara sosial akan semakin tinggi. Rakyat diseru agar tidak lalai mematuhi semua SOP yang berkuatkuasa. Kelonggaran ini meletakkan tanggungjawab “frontliners” keatas bahu rakyat sendiri untuk mengekang penularan virus COVID-19.
- e. Kesan positif pengambilan vaksin yang lengkap dapat dilihat melalui statistik harian pesakit-pesakit baharu yang dijangkiti virus COVID-19. Daripada (405) kes hari ini, 387 orang atau 96% adalah pesakit-pesakit Kategori 1 dan Kategori 2 (tidak ada gejala atau sekadar gejala ringan), tidak ada pesakit dalam Kategori 3 dan hanya seorang pesakit dalam Kategori 4 dan begitu juga bagi Kategori 5. Sejumlah (16) kes lagi masih dalam siasatan JKNS.

f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (229) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	5	1.23%
2	Bergejala	139	34.32%
3	Kontak	229	56.54%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	32	6.34%
<b>JUMLAH</b>		<b>405</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (06 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 06/11/2021	Catatan Kes 07/11/2021	Perbandingan
1	Beluran	3	14	+11
2	Papar	10	19	+9
3	Sandakan	9	16	+7
4	Sipitang	4	9	+5
5	Semporna	1	4	+3
6	Penampang	32	34	+2
7	Tenom	18	19	+1
8	Keningau	19	19	Mendatar
9	Kuala Penyu	3	3	Mendatar
10	Kalabakan	0	0	Mendatar
11	Kota Belud	53	22	-31
12	Beaufort	47	17	-30
13	Kota Marudu	52	29	-23
14	Kudat	30	9	-21
15	Pitas	27	10	-17
16	Ranau	53	37	-16
17	Tawau	19	5	-14
18	Putatan	15	2	-13
19	Tambunan	25	18	-7
20	Kota Kinabalu	58	52	-6
21	Tuaran	42	36	-6
22	Lahad Datu	18	12	-6
23	Telupid	21	16	-5
24	Kinabatangan	4	2	-2
25	Nabawan	3	1	-2
26	Tongod	2	0	-2
27	Kunak	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>569</b>	<b>405</b>	<b>-164</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (24 Oktober – 06 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	21	18	0	13	52	816
Ranau	5	11	19	0	2	37	700
Tuaran	0	24	12	0	0	36	486
Penampang	0	20	13	0	1	34	365
Kota Marudu	0	22	6	0	1	29	515
Kota Belud	0	15	7	0	0	22	714
Keningau	0	7	9	0	3	19	315
Tenom	0	11	8	0	0	19	356
Papar	0	13	6	0	0	19	291
Tambunan	0	13	5	0	0	18	279
Beaufort	0	6	11	0	0	17	508
Telupid	0	16	0	0	0	16	146
Sandakan	0	8	7	0	1	16	174
Beluran	0	12	1	0	1	14	151
Lahad Datu	0	7	5	0	0	12	215
Pitas	0	5	2	0	3	10	240
Kudat	0	5	4	0	0	9	279
Sipitang	0	7	2	0	0	9	137
Tawau	0	2	1	0	2	5	212
Semporna	0	0	0	0	4	4	36
Kuala Penyu	0	3	0	0	0	3	67
Putatan	0	0	2	0	0	2	170
Kinabatangan	0	1	0	0	1	2	241
Nabawan	0	0	1	0	0	1	59
Tongod	0	0	0	0	0	0	27
Kunak	0	0	0	0	0	0	34
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	10
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>229</b>	<b>139</b>	<b>0</b>	<b>32</b>	<b>405</b>	<b>7,543</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Karanaan	5
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** dilaporkan hari ini.

**Kluster Karanaan - Ranau** yang dikategorikan sebagai kluster komuniti disyaki berpunca daripada penganjuran majlis perkahwinan dan dua majlis potong jambul di daerah Ranau. Majlis tersebut diadakan pada pada 21 Oktober serta 29 Oktober 2021 dan dihadiri saudara mara dari luar daerah. Kluster ini mula dikesan apabila seorang lelaki tempatan, 29, yang mula bergejala mendapati saringan sendiri (RTK AG) positif dan kemudian membuat saringan lanjutan di Pejabat Kesihatan Daerah Ranau (RT PCR) pada 29 Oktober 2021. Kes indeks yang juga Pembantu Awam di Pejabat JKR Daerah Ranau disahkan positif dengan CT Value RDRP - 16.69 pada 30 Oktober 2021 dan didaftarkan pada 31 Oktober 2021. Sementara itu, dua (2) kes lagi (merupakan ibu serta datuk kepada kes indeks) telah didaftarkan pada 31 Oktober 2021 juga daripada Kg Karanaan, dikesan melalui saringan kemasukan ke Hospital Ranau pada 30hb Oktober 2021. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati seramai 49 kontak sosial di Kg Karanaan turut positif COVID-19. Siasatan lanjut yang dijalankan mendapati mereka adalah golongan yang menghadiri majlis-majlis tersebut.

7 Jumlah kapasiti katil 6,070 unit

- Hospital 1,793 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,807 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.47%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 7 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	393
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	11
<b>Jumlah</b>	<b>405</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	392
Bukan Malaysia	13
<b>Jumlah</b>	<b>405</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	75
Belum Menerima Vaksin	59
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	269
<b>Jumlah</b>	<b>405</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	6
1 to 5	29
6 to 11	40
12 to 17	18
18 to 25	55
26 to 59	207
>60	50
<b>Jumlah</b>	<b>405</b>

**C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 6 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,015 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,229 orang adalah penduduk dewasa dan 1,786 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 6 November 2021 adalah seramai 2,430,257 orang. Ini meliputi 2,099,853 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.13% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,358,149 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,066,131 orang atau 74.90% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 330,404 orang atau 76.13% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 292,118 atau 67.31% orang setakat ini.

**D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **670,877** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,926 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 50 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 128 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 133 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,110 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Pada hari ini dua (2) kompaun telah dikeluarkan oleh Majlis Daerah Penampang. Kompaun dikeluarkan kepada orang awam atas kesalahan gagal mendaftar masuk ke dalam premis dengan menggunakan aplikasi MySejahtera. Tiada notis dikeluarkan pada hari ini.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 212 premis perniagaan dan 255 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 283 Premis Perniagaan melibatkan 171 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 147 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 144 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 93 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **98.6%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Tuaran	98.7%
2	Lahad Datu	98.7%
3	Kinabatangan	98.7%
4	Tawau	98.7%
5	Penampang	98.7%
6	Semporna	98.7%
7	Kunak	98.5%
8	Beaufort	98.5%
9	Kota Kinabalu	98.7%
10	Sandakan	98.7%
11	Papar	98.7%
12	Ranau	98.5%
13	Keningau	98.5%
14	Sipitang	98.5%
15	Beluran	98.5%
16	Tenom	98.5%
17	Kota Marudu	98.5%
18	Kudat	98.5%
19	Kota Belud	98.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**